

22 AUG 2001

DELL-MALAYSIA

DELL SAMBUT BAIK PENEKANAN MALAYSIA KE ATAS LATIHAN DAN PENDIDIKAN

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Michael Dell, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Dell Computer Corporation, berkata penekanan Malaysia ke atas pendidikan dan latihan akan memastikannya terus mengalami perkembangan yang baik dalam pertumbuhan ekonomi.

Bersama-sama dengan infrastruktur yang kukuh, persekitaran politik yang stabil dan sokongan positif kerajaan terhadap para pelabur, Malaysia tentunya bergerak ke arah yang betul, kata Dell dalam satu temubual melalui telefon dari Austin, Texas hari ini.

Dell Computer Corporation mempunyai dua kilang pemasangan di Malaysia iaitu di Bayan Lepas dan Bukit Tengah dekat Bukit Mertajam, kedua-duanya di Pulau Pinang, pusat teknologi maklumat negara.

Syarikat itu memulakan operasinya di Bayan Lepas pada tahun 1996 dan memperluaskannya ke Bukit Tengah tahun ini. Operasinya di Malaysia memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 2,000 orang.

"Banyak pembekal kami berada di sekitar kami," kata Dell semasa merujuk kepada pembuat cip komputer seperti Intel dan AMD yang juga berpangkalan di Pulau Pinang.

"Dengan tenaga kerja IT yang kukuh di sana (di Pulau Pinang), kami merasakan ia merupakan satu persekitaran yang amat baik dan kami akan terus melabur di sana," kata beliau.

Dell Computer Corporation baru sahaja memulakan projek perintisnya yang dikenali sebagai "Malaysia Direct Ship" (Penghantaran Terus Malaysia), di mana operasinya di Malaysia akan menghantar produknya terus ke pasaran Amerika Syarikat.

"Ia berjalan dengan agak baik dan sehingga kini amat berjaya. Sekiranya permintaan berterusan, ia akan terus diperluaskan," katanya.

Dell, yang telah dijemput oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadi Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP), berkata terdapat banyak perkara yang boleh Dell Computer Corporation lakukan di Malaysia, tambahan kepada apa yang telah ia dilaksanakan di sini.

Beliau berkata bidang yang boleh dibantu oleh syarikatnya dalam MSC ialah kepakaran dalam perdagangan elektronik.

Dell Computer Corporation, yang memasarkan produknya secara terus kepada pelanggan melalui Internet dan telefoni, telah muncul sebagai syarikat sistem komputer nombor satu dunia.

Dell berharap pemindahan teknologi dan kepakaran dalam e-dagang akan membantu Malaysia terus berkembang.

Dell, semasa ditanya mengenai perbincangannya dengan Dr Mahathir di Putrajaya pada Mei tahun ini, berkata mereka berbincang secara meluas mengenai pasaran pendidikan menggunakan komputer.

"Ini nampaknya menjadi tumpuan utama perdana menteri," katanya.

Merujuk kepada langkah pengecilan syarikat, Dell berkata beliau gembira dengan pengurangan itu yang hanya membabitkan 50 orang di Malaysia dan ia dijalankan atas dasar pemberhentian sukarela.

Beliau menganggapnya sebagai tidak bernasib baik tetapi bersyukur ianya bukan dalam skala "beratus atau beribu".

Dell Computer Corporation, kata beliau, tidak bersendirian dalam langkah pengecilan itu memandangkan syarikat-syarikat lain juga terlibat. Dalam separuh pertama tahun ini, 800,000 orang kehilangan pekerjaan mereka di AS berikutan kelembapan ekonomi.

"Ia merupakan masa yang sukar bagi ekonomi kami," kata beliau lagi. --
BERNAMA
SHY SD NHD